

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARIAH (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
MENYALURKAN WANG HASIL PELBAGAI DENDA MAHKAMAH-MAHKAMAH
SYARIAH KE BAITULMAL NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA**

1. TAJUK PERSOALAN

Persoalan ini adalah untuk mendapatkan pertimbangan dan pandangan Ahli Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan mengenai Wang Hasil Pelbagai Denda Mahkamah – mahkamah Syariah untuk disalurkan ke Baitulmal Negeri-Negeri Malaysia.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Isu ini ditimbulkan oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang yang memohon supaya wang hasil pelbagai denda dan hukuman yang telah dikenakan oleh Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang keatas orang Islam yang telah melakukan pelbagai kesalahan di negeri ini untuk disalurkan kepada Baitulmal, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

2.2 Wang hasil daripada pelbagai denda dan hukuman ini diperolehi melalui denda serta hukuman yang melibatkan orang-orang Islam yang didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Syariah Negeri negeri seperti denda percubaan zina, judi, pernikahan luar sempadan, perbuatan meminum arak, perceraian diluar mahkamah dan sebagainya.

2.3 Kajian yang dilakukan di Jabatan Agama Islam Terengganu mendapati bahawa perkara ini dibawa berbincang terdahulu dalam Majlis Agama Islam Terengganu dan dipanjangkan kepada mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri Terengganu dan diluluskan untuk disalurkan ke Baitulmal Negeri Terengganu.

3. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' Negeri Selangor telah **bersetuju** memutuskan bahawa wang hasil pelbagai denda mahkama-mahkamah syariah diberikan kepada **Baitulmal negeri-negeri**. Ini berdasarkan hujah hujah berikut;-

- 3.1 Wang-wang hasil yang diperolehi daripada orang-orang Islam di negeri-negeri, sewajarnya dibekanjakan kembali untuk kepentingan masyarakat Islam khususnya di negeri-negeri berkenaan.
- 3.2 Melalui perolehan ini, Majlis Agama Islam Negeri-negeri dapat melaksanakan perancangan yang lebih mantap bagi tujuan pencapaian matlamat organisasinya.
- 3.3 Majlis Agama Islam Negeri-Negeri bertindak sebagai pemangkin kepada program sosio ekonomi umat Islam, sewajarnya mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi bagi menjana lebih banyak program-program keagamaan.
- 3.4 Majlis Agama Islam Negeri-Negeri adalah merupakan sebuah institusi yang bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan umat Islam di negara ini.